

'Tun Mahathir ada pengikutnya'

m/s: 4
Sinar Harian - 9/8/2020

Parti baharu boleh
sebabkan pengundi
Melayu berpecah

Oleh ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU



Takiyuddin (tengah) menyampaikan sumbangan kepada asnaf terpilih selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-42 Majlis JP Kelantan di Kota Bharu semalam.

Penubuhan parti baharu oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad boleh menyebabkan pengundi Melayu semakin berpecah.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, Dr Mahathir mempunyai pengikutnya yang tersendiri dan ia sudah tentu akan menyebabkan berlakunya perpecahan.

"Penubuhan parti baharu belum lulus lagi pendaftaran tetapi berdasarkan pengalaman saya bersama Tun M, beliau sering kali timbulkan isu perpecahan orang Melayu.

"Saya tidak pasti apa tujuan beliau tubuhkan parti Melayu ini. Kesannya sudah tentulah, dia ada pengikut, bila ada pengikut akan ada satu lagi kumpulan, jadi makin berpecahlah kita," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Mesyuarat Agung kali ke-42 Majlis Jaksa Pendamai (JP) Kelantan yang turut dihadiri Presiden Majlis JP Kelantan, Datuk

Seri Zukri Samat.

Pada majlis sama, Takiyuddin turut menyampaikan sumbangan JP Kelantan kepada 50 asnaf terpilih.

Kelmarin, Dr Mahathir mengumumkan penubuhan parti baharu yang belum diberikan nama rasmi namun ia tidak terikat atau menyokong Perikatan Nasional (PN) atau Pakatan Harapan (PH).

Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, parti baharu itu akan mendokong dasar Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang dahulu selain akan bertanding sebagai blok bebas dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) akan datang.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata, pihaknya terbuka dengan keputusan Dr Mahathir dan perkara itu sudah disuarakan Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa semua individu ada hak untuk

berpersatuan.

Takiyuddin yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) berkata, sesiapa sahaja boleh menubuhkan parti baharu asalkan mendapat kelulusan Pendaftaran Pertubuhan (RoS).

"Di Malaysia banyak parti politik ditubuhkan mencecah puluhan. (Cuma) ada yang aktif dan tidak, kadang-kadang kita tengok nama parti pun terkejut. Ada sebuah parti yang dulu jadi kerajaan kini tidak lagi jadi kerajaan.

"Ada pihak membeli parti yang sudah ditubuhkan sekali dengan perlembagaan dan sebagainya. Hanya menukar nama parti dan banyak parti seperti ini.

"Bagi kerajaan, itu hak individu mengikut Artikel 10 dalam Perlembagaan 10 (1)(c), hak untuk berpersatuan," kata beliau.